



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
OLEH
YB.DATUK ABDUL RAHIM BIN BAKRI
TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
AHLI PARLIMEN P 167 KUDAT**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP SKSJ PITAS, KUDAT, SABAH
PADA
17 DISEMBER 2011 (SABTU)**

BISMILLAHHIRRAHMANNIRRAHIM

YB DATUK BOLKIAH BIN HJ.ISMAIL
PEMBANTU MENTERI PELANCONGAN KEBUDAYAAN & ALAM
SEKITAR MERANGKAP AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI N3 PITAS

YB DATUK MIJUL BIN HJ.UNAINI
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI N 1 BANGGI

YANG BERBAHAGIA DATO' ISMAIL BIN AHMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA
YANG BERUSAHA ENCIK SAPDIN BIN IBRAHIM
PEGAWAI DAERAH PITAS
MERANGKAP PENERUSI BERSAMA SKSJ PITAS 2011

YANG BERUSAHA TUAN HJ.MOHD.SHUHAILI BIN MOHD.TAUFEK
PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN NEGERI SABAH
MERANGKAP PENERUSI BERSAMA SKSJ PITAS 2011

YANG DIHORMATI EN.HERDIANSAN BIN ABDUL KARIM
PENGARAH JABATAN KESELAMATAN JALANRAYA
(JKJR) NEGERI SABAH

YANG DIHORMATI KETUA DAERAH

MAHKAMAH ANAK NEGERI PITAS

YANG DIHORMATI
PEMIMPIN KEMAJUAN RAKYAT
PEJABAT UPKR N3 PITAS

YANG DIHORMATI
PEMIMPIN KEMAJUAN RAKYAT
PEJABAT UPKR N1 BANGGI

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN IBU PEJABAT JPJ MALAYSIA DAN JPJ
NEGERI

KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI
PENOLONG-PENOLONG PENGARAH
AHLI-AHLI MAJLIS DAERAH PITAS

YANG BERUSAHA
ENCIK SULAIMAN BIN BAKRIN
KETUA JPJ CAWANGAN KUDAT

YANG BERUSAHA
ENCIK JOLIS SIKUL
PENGURUS AKADEMI MEMANDU JSL SDN.BHD
KOTA MARUDU

KETUA-KETUA JPJ CAWANGAN NEGERI SABAH
PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN
PESERTA PROGRAM SKSJ PITAS DAN HADIRIN SEKALIAN,

ASSALAMMUALIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1 MALAYSIA.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI
PENGHARGAAN DAN TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA PENGANJUR
YANG DIPENGERUSIKAN BERSAMA ANTARA PEGAWAI DAERAH PITAS DAN
PENGARAH JPJ NEGERI SABAH. SESUNGGUHNYA USAHA YANG
BERSUNGGUH-SUNGGUH, KOMITMEN SERTA PERSEFAHAMAN YANG TERJALIN
DENGAN BAIKNYA TELAH MEMUDAHKAN SEGALA URUSAN BAGI
PENGANJURAN PROGRAM INI.

SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KHUSUSNYA KEPADA KETUA-KETUA JABATAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN, PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT, AHLI-AHLI MAJLIS DAERAH PITAS, PEGAWAI DAN ANGGOTA JPJ CAWANGAN KUDAT DAN JUGA PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT DI ATAS KEJAYAAN PENGANJURAN PROGRAM SKSJ INI.

SAYA YAKIN DAN PERCAYA BAHAWA USAHA MURNI INI AKAN DAPAT MEMBERIKAN FAEDAH DAN MANFAAT YANG BESAR KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT KHUSUSNYA PENDUDUK DI PITAS INI. SAYA DIBERITAHU BAHAWA SERAMAI **1,057 ORANG PESERTA** BAGI LESEN MEMANDU PERCUBAAN MOTOSIKAL KELAS B2 TELAH MENYERTAI PROGRAM INI, MANAKALA **1,099 ORANG PESERTA** BAGI LESEN MEMANDU PERCUBAAN MOTOKAR KELAS D TELAH MENDAFTAR BAGI MENGIKUTI PROGRAM INI.

SEBAHAGIAN DARIPADA MEREKA YANG MEMOHON UNTUK MENDAPATKAN LESEN MOTOKAR KELAS 'D' MASIH DAN SEDANG MENJALANI MODUL LATIHAN YANG DITETAPKAN. PADA KESEMPATAN INI JUGA SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PESERTA YANG TELAH BERJAYA MENDAPATKAN LESEN MASING-MASING.

KEPERIHATINAN KERAJAAN PUSAT MELALUI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN DAN PIHAK INSTITUT MEMANDU UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN SECARA TERUS KEPADA RAKYAT MERUPAKAN USAHA BERTERUSAN KERAJAAN DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN SEUMPAMA INI KHUSUSNYA DI DAERAH INI KERANA DENGAN CARA BEGINI PESERTA DAPAT MENIKMATI PELUANG DAN POTONGAN HARGA YANG MAMPU DIBAYAR OLEH MASYARAKAT LUAR BANDAR.

DATO-DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

SELARAS DENGAN GAGASAN 1 MALAYSIA '*RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN*' PIHAK KERAJAAN SEMEMANGNYA MEMBERIKAN GALAKAN SERTA MENGALU-ALUKAN PELAKSANAAN PROGRAM SEUMPAMA INI OLEH MANA-MANA JABATAN SERTA AGENSI KERAJAAN UNTUK TAMPIL MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERUS KEPADA RAKYAT. PENGANJURAN PROGRAM SKSJ INI MERUPAKAN LANGKAH BIJAK YANG DILAKSANAKAN OLEH JPJ DI DALAM MEMPASTIKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN KEBERSAMAAN BANGSA MALAYSIA DAPAT DIBENTUK DENGAN RASA MUHIBAH DAN KEMESERAAN BAGI MEMASTIKAN IKATAN PERPADUAN KAUM DI NEGARA INI DAPAT DIPERTAHANKAN.

KERAJAAN JUGA SENTIASA KOMITED DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DALAM USAHA MEMBELA NASIB RAKYAT KHUSUSNYA DI KAWASAN PARLIMEN P167 KUDAT INI. PENYEDIAAN PRASARANA DAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR ASAS AKAN TERUS GIAT DIBANGUNKAN DAN DIPERKASAKAN BAGI MELAHIRKAN GENERASI BERKETRAMPILAN KE ARAH MELAHIRKAN GOLONGAN PELAPIS PEMIMPIN NEGARA.

TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN KHUSUSNYA KEPADA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA KERANA MENGANJURKAN PROGRAM INI. UNTUK MAKLUMAN Y.BHG DATO' TIMBALAN KETUA PENGARAH JPJ, PITAS MERUPAKAN SATU DAERAH YANG DIKATEGORIKAN SEBAGAI KAWASAN PEDALAMAN DAN TERPENCIL. TAHAP PENDIDIKAN DAN PENDAPATAN PENDUDUKNYA MASIH RENDAH BERBANDING DENGAN BEBERAPA DAERAH LAIN DI NEGERI INI.

DENGAN ITU, SAYA AMAT BERHARAP AGAR PROGRAM SEUMPAMA INI AKAN TERUS DIJALANKAN PADA MASA AKAN DATANG UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA MEREKA YANG TIDAK BERKESEMPATAN MENGIKUTI PROGRAM

SEUMPAMA INI, TERUTAMA SEKALI BAGI GOLONGAN BELIA YANG MEMILIKI MOTOSIKAL TETAPI MASIH BELUM MEMPUNYAI LESEN MEMANDU YANG SAH.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SEKALI LAGI SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DAN TAHNIAH KEPADA SELURUH AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA BAGI PENGANJURAN PROGRAM INI. SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA SERTA UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH KHUSUSNYA KEPADA SEMUA PESERTA YANG BERJAYA DAN LULUS UJIAN MOTOSIKAL DAN MOTORKAR DALAM PROGRAM SKSJ PADA PAGI INI.

DENGAN LAFAZ '*BISSMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM*' SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PENUTUPAN PROGRAM SATU KOMUNITI SATU JPJ PITAS BAGI TAHUN 2011.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAH,
WASSALAM MUALAIKUMWARAHMATULLAHIWABARAKATUH.
TERIMA KASIH.